MAHATHIR-UMNO ✓

1977

ALOR SETAR, 1 MEI (BERNAMA)--TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA AHLI-AHLI UMNO JANGAN MENGGUNAKAN TEKANAN KEATAS GOLONGAN MAJORITI DALAM PARTI ITU SUPAYA MENERIMA PANDANGAN DAN PENDAPAT MEREKA.

PERBUATAN SERUPA ITU BUKAN SAJA BOLEH MENIMBULKAN SALAH FAHAM DAN PERPECAHAN DALAM PARTI MALAH ADALAH BERTENTANGAN DENGAN DASAR DEMOKRASI YANG DIAMALKAN OLEH UMNO SELAMA INI, TEGAS BELIAU.

DR. MAHATHIR LALU MENGINGATKAN GOLONGAN MINORITI ITU KEPADA SATU PEPATAH INGGERIS YANG BERBUNYI +MEREKA YANG HIDUP DENGAN PEDANG AKAN MATI DI HUJUNG PEDANG JUGA.+

DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO TELAH BERUCAP MERASMIKAN SIDANG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN JITRA, 16 BATU DARI SINI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI TIDAK BERSETUJU DENGAN PENDAPAT SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN YANG MENYATAKAN BAHAWA UCAPAN DAN PANDANGAN MENGENAI AGAMA ISLAM HENDAKLAH DIBUAT OLEH ALIM ULAMA SAJA. --BERSAMBUNG 1714/MD

££
B575
MAHATHIR-UMNO 2 ALOR SETAR

KATANYA, PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI DAN KERAJAAN ADALAH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENERANGKAN KEPADA RAKYAT TENTANG SAMUA DASAR PARTI TERMASUK MENGENAI AGAMA ISLAM DARI MASA KE SEMASA.

+KITA MESTILAH PATUH DAN MENERIMA NASIHAT-NASIHAT YANG BAIK LAGI MEMBINA DARI SESIAPA SAHAJA TANPA MEMPERHITUNGKAN KEDUDUKAN SESEORANG ITU,+ TAMBAHNYA.

BELIAU MENJELASKAN, KEBANYAKAN NEGARA-NEGARA ISLAM DI ASIA BARAT MENYANJUNG TINGGI MALAYSIAKERANA MENJADIKAN ISLAM AGAMA RESMI NEGARA INI.

+SAMBUTAN YANG HANGAT YANG DIBERIKAN KEPADA SAYA DALAM LAWATAN SAYA KEBEBERAPA BUAH NEGARA DI ASIA BARAT BARU-BARU INI MEMBUKTIKAN KEHORMATAN MEREKA TERHADAP MALAYSIA,+ TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MENGGUNAKAN PERJUMPAAN-PERJUMPAAN ATAU MESYUARAT-MESYUARAT AGUNG UNTUK MENGELUARKAN KERITIK-KERITIK YANG MEMBINA TERHADAP PARA PEMIMPIN PARTI.

KATANYA, UMNO MENGALU-ALUKAN KERITIK-KERITIK MEMBINA YANG DIMAJUKAN MELALUI SALURAN-SALURAN TERTENTU. --BERNAMA 1720/MD